

## CABARAN TAHAP PEMBACAAN AL-QURAN MURID SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR

### [CHALLENGES IN QURANIC READING PROFICIENCY AMONG RURAL PRIMARY SCHOOL STUDENTS]

NOR AKMAR ALIZA MOHD HUSSIN<sup>1\*</sup> & MOHD ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: P130676@siswa.ukm.edu.my

---

Received: 05 October 2024

Accepted: 28 November 2024

Published: 30 December 2024

---

**Abstrak:** Kajian ini mengkaji cabaran-cabaran dalam pembacaan al-Quran di kalangan murid sekolah rendah luar bandar. Dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kurangnya sokongan ibubapa, persekitaran sekeliling murid yang tidak kondusif, serta kelemahan dalam kaedah dan bahan pengajaran, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pelaksanaan pengajaran al-Quran di sekolah luar bandar serta mengkaji cabaran yang menyebabkan murid tidak khatam al-Quran sehingga tahun 6. Melalui tinjauan literatur yang meliputi kepentingan al-Quran dalam kehidupan umat Islam, pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini, kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia, tahap kesedaran di kalangan ibubapa, sekolah dan guru, sikap dan tingkah laku murid, serta faktor kelemahan bacaan al-Quran di kalangan murid. Kajian ini memberikan pemahaman yang holistik mengenai cabaran-cabaran tersebut. Dengan memahami cabaran-cabaran ini, diharapkan langkah-langkah yang sesuai dapat diambil untuk meningkatkan kualiti pengajaran al-Quran di sekolah rendah luar bandar demi memastikan setiap murid dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik dan sempurna.

**Kata Kunci:** cabaran pelaksanaan pengajaran, sekolah luar bandar, pembacaan al-Quran.

**Abstract:** This study examines the challenges in Quranic reading proficiency among rural primary school students. Considering factors such as the lack of parental support, the students' uncondusive environment, and weaknesses in teaching methods and materials, the study aims to identify the implementation of Quranic teaching in rural schools and investigate the challenges that hinder students from completing their Quranic reading by Year 6. Through a literature review covering the importance of the Quran in the lives of Muslims, Quranic reading in contemporary education, Quranic teaching and learning methods in Malaysia, parental, school, and teacher awareness, student attitudes and behaviors, and the factors contributing to Quranic reading difficulties among students, this study provides a holistic understanding of these challenges. By understanding these issues, it is hoped that appropriate measures can be taken to improve the quality of Quranic teaching in rural primary schools, ensuring that every student can master Quranic reading proficiently and effectively.

**Keywords:** Challenges in the Implementation of Teaching, Rural Schools, Quranic Reading.

**Cite This Article:**

Nor Akmar Aliza Mohd Hussin & Mohd Isa Hamzah. (2024). Cabaran Tahap Pembacaan al-Quran Murid Sekolah Rendah Luar Bandar [Challenges In Quranic Reading Proficiency Among Rural Primary School Students]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(3), 75-83.

## PENGENALAN

Al-Quran ialah kitab suci agama Islam, memberikan garis panduan penting untuk kehidupan beragama dan masyarakat mereka. Ia mempunyai ajaran yang mendalam tentang akidah, ibadah, muamalat, dan akhlak, menjadikannya sumber utama nilai moral dan etika Islam. Tujuan program j-QAF (Jawi, Quran, Arab, dan Fardu Ain) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah rendah. Program ini menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara untuk memastikan setiap murid berupaya membaca dan memahami Al-Quran dengan baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Rahman (2019), mengemukakan betapa pentingnya pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini. Dalam dunia yang semakin kompleks dan serba canggih, pembacaan al-Quran tidak hanya dianggap sebagai satu kewajipan agama, tetapi juga sebagai asas utama dalam pembangunan intelektual dan rohani pelajar. Beliau menekankan perlunya pendidikan al-Quran yang holistik yang tidak hanya melibatkan aspek pembacaan, tetapi juga pemahaman, penghayatan, dan amalan ajaran-ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Pelaksanaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah rendah luar bandar menghadapi pelbagai cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan teguhnya prinsip agama. Membaca dan memahami al-Quran adalah asas dalam pendidikan Islam dan memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan moral pelajar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan di kawasan luar bandar sering terhalang oleh pelbagai faktor seperti kekurangan guru yang berkelayakan, infrastruktur yang tidak mencukupi, dan akses kepada teknologi pendidikan yang terhad. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran ini, memahami implikasinya, dan mencadangkan langkah untuk mengatasinya (Mardhiah & Zainurin, 2020).

Membaca dan memahami al-Quran merupakan elemen asas dalam pendidikan Islam. Sebagai kitab suci umat Islam al-Quran adalah panduan utama yang mengandungi pelbagai aspek kehidupan dari aspek spiritual hingga kepada aspek sosial. Pendidikan al-Quran bermula sejak usia kanak-kanak dan memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian dan pegangan agama seseorang Muslim. Pembelajaran al-Quran sejak peringkat awal kanak-kanak membantu dalam membentuk asas agama yang kukuh serta pemahaman yang lebih mendalam tentang Islam dan nilai-nilainya (Abdullah, 2018). Penguasaan bacaan al-Quran adalah langkah awal dalam melaksanakan amalan-amalan keagamaan. Pembacaan yang betul dan pemahaman yang mendalam tentang makna ayat-ayat al-Quran membantu individu untuk mengaplikasikan ajaran-ajaran tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Menurut kajian Rahman (2019), pembelajaran yang sistematik dan berkesan dalam membaca al-Quran meningkatkan kemampuan individu untuk memahami dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan harian.

Al-Quran dalam kehidupan umat Islam telah ditekankan secara konsisten. Abdullah (2018) menekankan bahawa Al-Quran bukan sahaja merupakan sumber ajaran agama tetapi juga menjadi panduan dalam membentuk nilai-nilai moral dan etika yang tinggi. Kepentingan al-Quran ini bukan hanya dalam konteks kehidupan peribadi, tetapi juga dalam pembangunan masyarakat dan negara secara keseluruhan. Hassan & Harahap (2016) dalam kajiannya menyoroti peranan al-Quran dalam menetapkan etika dan prinsip-prinsip kewangan Islam,

menunjukkan bahawa ajaran al-Quran mencakupi pelbagai aspek kehidupan termasuk kewangan. Menurut Azarul (2023), kepentingan al-Quran menjadikan sumber dan petunjuk untuk menjalani perintah suruhan untuk bimbingan menjalankan ibadah. Dengan ini, usaha mempelajari al-Quran merupakan impak yang besar selari dengan meningkatkan keimanan kepada Allah SWT serta membentuk akhlak yang baik.

## **CABARAN PEMBACAAN AL-QURAN DI SEKOLAH**

Pendidikan al-Quran di kalangan murid sekolah rendah luar bandar menghadapi beberapa masalah yang memerlukan perhatian serius. Salah satu masalah utama yang dihadapi ialah kurangnya kemahiran bacaan al-Quran dalam kalangan murid sehingga mereka tidak dapat menamatkan bacaan al-Quran sehingga tahun 6. Kelemahan ini bukan sahaja melibatkan aspek teknikal pembacaan tetapi juga pemahaman dan penghayatan terhadap isi kandungan al-Quran. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya masa dan usaha yang diberikan kepada pembelajaran al-Quran di sekolah atau faktor-faktor luaran seperti tekanan akademik yang tinggi.

### **Tiada Sokongan Daripada Ibu bapa**

Tiada sokongan dan penekanan daripada Ibubapa dalam membentuk minat dan komitmen murid terhadap pembelajaran al-Quran. Namun, dalam kebanyakan kes, terdapat kekurangan sokongan dan penekanan dari ibu bapa terutama dalam konteks luar bandar. Ini boleh disebabkan oleh kurangnya kesedaran tentang kepentingan pendidikan agama atau tekanan masa dan ekonomi yang menyebabkan ibu bapa kurang memberikan perhatian kepada pembelajaran al-Quran anak-anak mereka (Abdullah, 2018). Kesedaran dan sokongan daripada ibu bapa dan komuniti adalah kritikal tetapi sering kali kurang kerana faktor ekonomi dan pendidikan. Ibu bapa di luar bandar mungkin kurang terdedah kepada kepentingan pendidikan agama yang formal, menyebabkan kurangnya sokongan di rumah (Abdullah, 2018).

### **Persekutaran Murid**

Persekitaran sekeliling murid juga memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pembelajaran al-Quran. Menjadi satu masalah apabila murid tidak mendapat bacaan berterusan di rumah disebabkan oleh persekitaran yang kurang kondusif. Kurangnya akses kepada sumber-sumber pendidikan agama di rumah atau kekurangan peranan model teladan dalam membaca al-Quran boleh menghalang perkembangan pembacaan murid. Keberkesanan pengajaran al-Quran di sekolah juga dipengaruhi oleh kaedah dan bahan pengajaran yang digunakan oleh guru. Kelemahan dalam kaedah pengajaran yang tidak menarik atau bahan-bahan pengajaran yang tidak bersesuaian dengan keperluan murid boleh menyebabkan kurang minat dan motivasi dalam pembelajaran al-Quran. Melalui penjelasan mengenai masalah-masalah tersebut adalah penting untuk mengambil tindakan yang sesuai bagi mengatasi cabaran dalam pelaksanaan pengajaran al-Quran di kalangan murid sekolah rendah luar bandar. Motivasi murid untuk belajar membaca al- Quran mungkin terjejas oleh faktor-faktor seperti persekitaran keluarga dan kurangnya contoh teladan. Minat terhadap membaca

al-Quran perlu dipupuk melalui pendekatan pengajaran yang menarik dan relevan dengan kehidupan mereka (Rahman, 2019).

### **Kekurangan Guru Agama**

Di kawasan luar bandar bilangan guru agama yang berkelayakan adalah terhad. Guru-guru yang sedia ada sering kali perlu mengajar pelbagai subjek, termasuk yang di luar kepakaran mereka menyebabkan kualiti pengajaran bacaan Quran terjejas (Khan & Khan, 2017). Menurut Azarul (2023), menyatakan had masa pengajaran terhad, guru pendidikan Islam dihadap dengan jadual yang padat menyebabkan masa terhad untuk menyampaikan pelajaran al-Quran secara menyeluruh.

### **Kekurangan Kemudahan**

Kemudahan fizikal seperti sekolah dan madrasah di luar bandar sering kali tidak mencukupi. Kekurangan bilik darjah yang selesa, perpustakaan, dan alat bantu mengajar menjadi halangan utama. Ini menyukarkan pelaksanaan sesi pembelajaran yang kondusif (Smith & Martin, 2020). Di banyak kawasan luar bandar, keterbatasan akses kepada teknologi moden seperti komputer dan internet menghalang murid-murid daripada memanfaatkan alat bantu mengajar digital. Kekurangan bahan bacaan dan buku teks yang mencukupi juga menyukarkan proses pembelajaran (Anderson & Dexter, 2019).

### **IMPLIKASI**

Kekurangan guru berkelayakan dan infrastruktur yang tidak memadai merupakan cabaran utama yang dihadapi dalam memperbaiki kualiti pendidikan agama di kawasan luar bandar. Kajian yang dilakukan oleh Khan & Khan (2017) menekankan bahawa masalah ini berpotensi menyebabkan pelajar tidak mendapat pendidikan Al-Quran yang mencukupi, yang pada gilirannya boleh mengakibatkan kelemahan dalam pemahaman dan penghayatan ajaran Islam. Kekurangan guru berkelayakan merupakan halangan utama dalam menyediakan pendidikan agama yang berkualiti di luar bandar. Guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi dalam bidang pengajaran Al-Quran mungkin tidak dapat menyampaikan isi kandungan dengan efektif kepada pelajar. Hal ini dapat mengakibatkan pelajar tidak memperoleh pemahaman yang mendalam tentang ajaran Islam dan Al-Quran, membatasi perkembangan keagamaan dan moral mereka.

Selain itu, infrastruktur yang tidak memadai, termasuk kurangnya bilik darjah yang selesa, kekurangan bahan bantu mengajar, dan akses terhad kepada teknologi, juga menyumbang kepada kelemahan dalam kualiti pendidikan agama. Tanpa infrastruktur yang mencukupi, pengajaran dan pembelajaran Al-Quran mungkin terbatas dalam keberkesanan dan kecekapan. Pelajar mungkin tidak dapat mengakses sumber-sumber pembelajaran yang berkualiti, yang dapat menghalang proses pembelajaran mereka.

Akibatnya, murid-murid di kawasan luar bandar mungkin tidak mendapat pendidikan Quran yang mencukupi. Mereka mungkin tidak dapat menguasai bacaan Al-Quran dengan baik

atau memahami makna dan ajaran yang terkandung di dalamnya dengan mendalam. Ini boleh menyebabkan kelemahan dalam pemahaman dan penghayatan ajaran Islam, serta dapat mengurangkan keupayaan mereka untuk mengamalkan nilai-nilai moral dan etika yang diajar oleh agama.

Dengan mengatasi kekurangan guru berkelayakan dan meningkatkan infrastruktur pendidikan di kawasan luar bandar, diharapkan kualiti pendidikan agama dapat ditingkatkan. Ini melibatkan penambahan bilangan guru yang berkelayakan, penyediaan fasilitas pembelajaran yang sesuai, serta penggunaan teknologi untuk memperluas akses kepada bahan-bahan pembelajaran Al-Quran. Dengan langkah-langkah ini, diharapkan setiap pelajar di luar bandar akan dapat menerima pendidikan agama yang berkualiti dan menyeluruh, yang dapat memperkuuhkan pemahaman dan penghayatan mereka terhadap ajaran Islam.

Ketidakseimbangan dalam pembangunan pendidikan antara bandar dan luar bandar boleh mengakibatkan jurang pendidikan yang lebih luas. Ini bukan sahaja mempengaruhi pendidikan agama tetapi juga keseluruhan perkembangan akademik murid (Smith & Martin, 2020).

Kurangnya sokongan dari ibu bapa yang disebabkan oleh kekurangan kesedaran tentang kepentingan pendidikan agama formal boleh mengurangkan keberkesanan pembelajaran Quran di rumah. Ini menghalang usaha guru untuk mengajar dan memperkuuhkan pembelajaran di sekolah (Abdullah, 2018).

## CADANGAN

Menyediakan latihan intensif dan berterusan untuk guru-guru agama di luar bandar adalah langkah yang penting dalam memperkuuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Ini kerana guru-guru agama memegang peranan penting dalam menyampaikan ajaran al-Quran kepada pelajar, terutamanya di kawasan luar bandar di mana sumber daya dan akses kepada latihan profesional mungkin terhad. Kursus-kursus peningkatan profesionalisme dan program latihan dalam perkhidmatan adalah inisiatif yang strategik dalam meningkatkan kemahiran pengajaran guru-guru agama. Artikel yang diteliti oleh Rahman (2019) menekankan kepentingan penyediaan latihan yang berterusan bagi guru-guru agama untuk memastikan mereka sentiasa mendapat kemahiran dan pengetahuan terkini dalam bidang pengajaran al-Quran. Melalui kursus-kursus ini, guru-guru dapat memperoleh kemahiran baru dalam menggunakan kaedah pengajaran yang inovatif dan efektif, serta memperkuuhkan pemahaman mereka tentang isi kandungan al-Quran. Selain itu, program-program latihan dalam perkhidmatan juga memberi peluang kepada guru-guru agama untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan rakan sejawat. Ini dapat memperluas pandangan mereka tentang pendidikan agama dan memberi inspirasi untuk memperbaiki kaedah pengajaran mereka.

Di samping itu, latihan intensif dan berterusan juga memperkuuhkan profesionalisme guru-guru agama serta meningkatkan keyakinan mereka dalam menyampaikan ajaran al-Quran kepada pelajar. Dengan adanya latihan yang sistematik dan berterusan, diharapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah luar bandar dapat ditingkatkan secara berterusan. Secara keseluruhan, penyediaan latihan intensif dan berterusan untuk guru-guru

agama di luar bandar adalah langkah yang krusial dalam meningkatkan kualiti pendidikan agama. Melalui kursus-kursus peningkatan profesionalisme dan program latihan dalam perkhidmatan, guru-guru agama dapat terus memperkuuhkan kemahiran mereka dalam pengajaran al-Quran, serta memastikan setiap pelajar menerima pendidikan agama yang berkualiti dan efektif.

Memohon bantuan daripada pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan infrastruktur sekolah dan madrasah. Ini termasuk pembinaan bilik darjah yang selesa, perpustakaan, dan penyediaan alat bantu mengajar yang mencukupi (Khan & Khan, 2017). Permohonan bantuan daripada pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan infrastruktur sekolah dan madrasah merupakan langkah penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan agama, khususnya dalam pengajaran al-Quran di kalangan pelajar sekolah rendah. Langkah ini penting kerana infrastruktur yang baik memainkan peranan penting dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif dan berkesan. Pertama pembinaan bilik darjah yang selesa adalah aspek yang sangat penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Bilik darjah yang selesa dan kondusif dapat mencipta suasana pembelajaran yang menyenangkan dan memberi kesan positif kepada motivasi dan minat pelajar dalam pembelajaran al-Quran. Pembinaan bilik darjah yang selesa juga dapat meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan pelajar serta guru, membolehkan mereka memberi tumpuan yang lebih baik dalam proses pembelajaran. Selain itu, penyediaan perpustakaan yang lengkap dan teratur juga merupakan langkah yang penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan agama di sekolah rendah. Perpustakaan yang baik menyediakan akses kepada pelbagai sumber bahan bacaan al-Quran dan bahan bantu mengajar yang berkualiti, membolehkan guru dan pelajar untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan berkualiti dalam proses pembelajaran.

Penyediaan alat bantu mengajar yang mencukupi juga merupakan aspek penting dalam meningkatkan efektiviti pengajaran al-Quran di sekolah rendah. Alat bantu mengajar yang berkualiti dan mencukupi dapat membantu guru dalam menjalankan proses pengajaran dengan lebih efektif dan menarik. Ini termasuklah projektor, komputer, dan perisian pembelajaran yang dapat membantu dalam menjelaskan konsep-konsep yang kompleks dengan lebih jelas dan mudah difahami oleh pelajar. Dengan meningkatkan infrastruktur sekolah dan madrasah melalui pembinaan bilik darjah yang selesa, penyediaan perpustakaan yang lengkap, dan penyediaan alat bantu mengajar yang mencukupi, diharapkan dapat mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memberi impak positif kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran al-Quran di kalangan pelajar sekolah rendah. Ini akan memberi peluang kepada mereka untuk memahami dan menghayati ajaran al-Quran dengan lebih baik, serta membentuk asas yang kukuh dalam kehidupan beragama mereka. Memanfaatkan teknologi seperti aplikasi mudah alih dan e-learning untuk membantu murid belajar membaca al-Quran. Ini termasuk pembangunan bahan bantu mengajar digital yang boleh diakses dengan mudah walaupun di kawasan luar bandar (Anderson & Dexter, 2019). Pemanfaatan teknologi seperti aplikasi mudah alih dan *e-learning* telah membuka peluang baru dalam proses pembelajaran al-Quran, terutamanya di kalangan pelajar di kawasan luar bandar. Langkah ini menjadi penting kerana teknologi membolehkan akses kepada bahan-bahan pembelajaran al-Quran dengan lebih mudah dan efisien, tanpa mengira lokasi geografi pelajar.

Aplikasi mudah alih dan platform *e-learning* memberikan akses kepada pelbagai sumber bantu mengajar digital yang boleh diakses dengan mudah melalui peranti mudah alih atau komputer. Inisiatif ini membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran al-Quran pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, tanpa bergantung kepada kehadiran fizikal di dalam bilik darjah. Ini amat penting terutamanya bagi pelajar di kawasan luar bandar yang mungkin menghadapi cabaran akses kepada guru atau bahan bantu mengajar yang berkualiti. Selain itu, pembangunan bahan bantu mengajar digital juga membolehkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran menjadi lebih interaktif dan menarik. Bahan bantu mengajar digital yang interaktif seperti animasi, rakaman audio, dan latihan interaktif dapat meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran al-Quran. Ini membolehkan mereka untuk belajar dengan lebih menyeronokkan dan efektif, sambil meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap isi kandungan al-Quran.

Meningkatkan kerjasama antara sekolah, ibu bapa, dan komuniti merupakan aspek penting dalam memperkuuhkan pendidikan agama, terutamanya dalam konteks pengajaran Al-Quran di sekolah rendah. Inisiatif ini bertujuan untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang menyeluruh, yang melibatkan semua pihak yang terlibat dalam proses pembelajaran pelajar. Program-program kesedaran dan motivasi untuk ibu bapa dan penjaga adalah langkah yang strategik dalam memperkuuhkan sokongan di rumah terhadap pendidikan agama. Dalam artikel yang diselidik oleh Abdullah (2018), program-program ini membantu meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan agama dan memberi mereka alat yang diperlukan untuk memberi sokongan yang berterusan kepada anak-anak mereka dalam pembelajaran al-Quran. Dengan meningkatkan kesedaran dan motivasi ibu bapa, diharapkan mereka akan lebih aktif terlibat dalam proses pembelajaran anak-anak mereka di rumah, serta memberikan sokongan yang diperlukan untuk memperkuuhkan pemahaman dan penghayatan terhadap al-Quran.

Seterusnya, penggunaan pendekatan pengajaran yang kreatif dan menarik merupakan satu lagi strategi yang berkesan dalam memupuk minat murid terhadap bacaan al-Quran. Pengajaran yang inovatif dan bervariasi membolehkan pengalaman pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan bermakna bagi pelajar. Artikel yang dikaji oleh Rahman (2019) menunjukkan bahawa penggunaan teknik bercerita, permainan pendidikan, dan pendekatan berasaskan projek adalah beberapa contoh pendekatan yang berkesan dalam memperkuuhkan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran al-Quran. Dengan menyediakan pengalaman pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan, diharapkan pelajar akan lebih mudah untuk menyerap dan menghayati isi kandungan al-Quran dengan lebih baik. Melalui peningkatan kerjasama antara sekolah, ibu bapa, dan komuniti, serta penggunaan pendekatan pengajaran yang kreatif dan menarik, diharapkan pengajaran al-Quran di sekolah rendah dapat diperkuuhkan. Langkah-langkah ini memberi peluang kepada setiap pelajar untuk memahami dan menghayati al-Quran dengan lebih baik, serta membentuk asas yang kukuh dalam kehidupan beragama mereka.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini menyoroti beberapa aspek penting yang perlu

dipertimbangkan dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran di kalangan murid sekolah rendah luar bandar. Dengan kekurangan pendedahan di rumah dan kebergantungan yang tinggi kepada guru di sekolah, terdapat beberapa langkah yang perlu diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pelbagai pihak berkepentingan untuk memperbaiki situasi ini.

Pertama sekali, KPM perlu memperkasakan dan menambahbaik kualiti pengajaran di sekolah rendah, khususnya di luar bandar. Ini termasuk menyediakan latihan yang berkualiti tinggi kepada guru-guru agar mereka dapat memberikan pengajaran yang efektif dan memotivasi pelajar untuk belajar al-Quran dengan lebih bersemangat. Selain itu, guru-guru juga perlu memainkan peranan yang penting dalam mengadakan program tilawah al-Quran yang berkala dan menyediakan bahan-bahan yang menarik bagi murid. Ini dapat membantu meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran al-Quran dan mempercepat proses pembelajaran mereka. Persekutaran di luar bandar juga menjadi faktor utama yang perlu diberi perhatian, kerana ia boleh menyebabkan kurangnya pembacaan berterusan di rumah. Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil untuk menyediakan akses kepada bahan-bahan pembelajaran al-Quran di luar persekitaran sekolah, termasuk melalui penggunaan teknologi seperti aplikasi mudah alih dan *e-learning*. Selain itu, kesedaran ibu bapa juga perlu ditingkatkan, kerana mereka memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran anak-anak mereka. Program-program kesedaran dan motivasi perlu diadakan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pembelajaran al-Quran dan memberi mereka alat yang diperlukan untuk memberi sokongan yang berterusan kepada anak-anak mereka di rumah. Dengan mengambil langkah-langkah ini, diharapkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran di kalangan murid sekolah rendah luar bandar dapat diperbaiki, dan setiap pelajar dapat memiliki peluang yang sama untuk memahami dan menghayati ajaran al-Quran dengan baik.

## RUJUKAN

- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Ahmad Fariz Mohamed, Zulkifli Abdul Rahman & Abdul Hadi Harman Shah. 2006. *Perubahan Persekutaran dan Kemudahterancaman Lembangan Langat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, A. 2018. The Role of Quranic Education in Shaping Moral and Ethical Values. *Journal of Islamic Education* 4(2): 123-135.
- Ahmad Rozaini Ali Hasan, Shadli Sabarudin & Che Bakar Che Mat. 2010. Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran di kalangan Pelajar-Pelajar Uitm Sarawak. Projek Penyelidikan Dana Kecemerlangan Kategori C.
- Anderson, R. E., & Dexter, S. 2019. Technology and Rural Education: Barriers and Solutions. *Educational Technology Research and Development* 67(6): 1581-1599.
- Daud Ismail, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Kahiruldin, Mahadi Mohammad. 2014. Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia. *ISLAMIYYAT* 36(2):57- 66.
- Hasani Ghazali & Rosmawati Razak. 2023. *Penguasaan Bacaan al-Quran dan cabarannya dalam kalangan pelajar Politeknik*. Nilai: Politeknik Nilai.G
- Hassan, M. K., & Harahap, S. S. 2011. Exploring the Role of Islamic Ethics in Finance: The

- Case of Islamic Finance. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 9(4): 455-473.
- Khan, A., & Khan, S. 2017. Addressing the Educational Needs in Rural Areas: A Case Study. *Journal of Educational Planning and Administration* 31(2): 98-112.
- Rahman, F. A. 2019. Teaching and Learning Quranic Literacy in Contemporary Islamic Schools. *Teaching and Learning Journal* 7(3): 210-225.
- Smith, J., & Martin, R. 2020. Challenges of Rural Education: A Comparative Study. *Rural Education Quarterly* 5(1): 34-45.